

Bab 5 Kesimpulan

Dr. Chandra Muzzafar, bekas pengarah Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, dalam satu kertas kerja menekankan kepentingan dialog peradaban, khasnya dialog antara Cina-Melayu dalam konteks peradaban Islam dengan fahaman konfusianisme berpendapat:

A dialog between Islam and Confucianism is in fact a dialogue between the majority Malays and minority Chinese of Malaysia. For ethnic relationship in Malaysia, there can be no dialogue that is more important than this.⁹⁸

Walaupun kedua-dua peradaban telah lama bertembung di Tanah Melayu, tetapi pertembungannya bertambah sengit menjelang era kemerdekaan. Sungguhpun demikian, keadaan ini gagal diperbetulkan berikutan jarang wujudnya dialog peradaban yang menggalakkan komunikasi antara kedua-dua etnik. Hal ini boleh diperhatikan melalui pemahaman antara etnik yang kurang memuaskan serta pelbagai masalah sosial dan politik yang berlarutan sepanjang masa.

Oleh yang demikian, pemahaman tentang pendirian masing-masing dalam pelbagai isu yang dibincangkan dalam disertasi ini merupakan satu bentuk dialog yang amat berfaedah bagi memajukan hubungan antara kedua-dua etnik.

⁹⁸ Chandra Muzzafar, “Dialogue between Islam and Confucianism: Its Significance for Ethnic Relations in Malaysia” dalam Osman Bakar dan Cheng Gek Nai, eds., *Islam and Confucianism, A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1997, m/s 141.

Dengan berpegang kepada keazaman ini, disertasi ini berusaha memaparkan hakikat pertembungan peradaban yang melibatkan dua peradaban silam. Pemaparan ini diharapkan dapat menambahkan pemahaman pewaris kedua-dua peradaban tersebut mengenai isu dan pendirian yang pernah dan masih dipegang oleh masyarakat masing-masing. Diharapkan hasrat murni ini bertepatan dengan pendapat Dr. Osman Bakar, bekas Timbalan Naib Canselor, Universiti Malaya, bahawa dialog peradaban berperanan :

...to foster greater mutual understanding among the major world civilizations in general and between Chinese and Islamic cultures and civilizations in particular, to identify the 'problem area' in the contemporary encounter and interaction between Confucianism and Islam; and also to suggest ways and means that can be pursued as part of an overall attempt to resolve these contemporary problems.⁹⁹

Oleh yang demikian, renungan kembali dan penelitian terhadap ajaran serta pengalaman yang terhasil daripada proses pertembungan tersebut adalah berfaedah bagi direnung dan diuraikan dalam bab pengakhiran.

Daripada penguraian bab-bab awal, dapatlah kita menyimpulkan bahawa perkembangan sejarah penyesuaian peradaban orang Cina dan percanggahan antara etnik yang berlaku merupakan kemelut politik dan peradaban yang berlaku dalam era kemerdekaan Malaya, namun pada asasnya ia juga merupakan satu bentuk pertembungan antara peradaban yang sering berlaku dalam sejarah peradaban manusia. Memandangkan setiap peradaban silam mewarisi hasil tinggalan sejarah, falsafah, agama serta kekuatan dan kelemahan masing-masing,

jadi proses pertembungan antara peradaban yang berlaku melalui pertemuan antara dua kumpulan etnik yang selaku pewaris peradaban silam masing-masing, kelemahan, kekuatan dan perbezaan tersebut turut mungkin timbul dan ia berkemungkinan membawa faedah bersama atau sebaliknya mendatangkan kesan negatif.

Walaupun secara prinsipnya, kewujudan pelbagai peradaban dapat memperkayakan khazanah kemanusiaan sesebuah negara, tetapi pengalaman interaksi antara orang Melayu dan Cina membuktikan bagaimana kepelbagaian peradaban tidak semestinya mendatangkan keharmonian antara etnik. Oleh yang demikian, pelbagai usaha dilakukan oleh pihak pemerintah untuk mengeratkan jurang perbezaan tersebut, langkah-langkah penyamaan seperti asimilasi, akulterasi dan penggunaan satu bahasa pengantar pendidikan diambil bagi mencapai tujuan tersebut.

Walau bagaimanapun, kerumitan timbul apabila orang Cina sejak awal lagi enggan menerima polisi penyamaan peradaban dan kesatuan bahasa pengantar pendidikan yang dianjurkan oleh pihak pemerintah, dan perbalahan juga timbul antara kedua-dua pihak mengenai peradaban siapa yang patut dimasukkan ke dalam isi kandungan peradaban negara baru.

Usaha pihak pemerintahan meskipun bertujuan untuk melahirkan identiti negara dari segi peradaban dan bahasa, langkah-langkah penyamaan peradaban

⁹⁹ Osman Bakar and Cheng Gek Nai, eds., *Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*, m/s 4.

tersebut difikirkan dapat mengelakkan perselisihan antara etnik dan menyatupadukan negara yang baru merdeka. Walau bagaimanapun, persoalan yang harus direnungi bersama ialah adakah penyamaan peradaban merupakan jalan atau penjamin perpaduan kebangsaan? Pengalaman sejarah membuktikan sesebuah negara yang mengamalkan polisi monopoli dari segi peradaban, atau hanya memberi pengiktifaran kepada satu peradaban sering didapati membawa kepada perkembangan sentimen etnik yang ekstrim.

Umpamanya, Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 tidak menyelesaikan masalah antara Melayu dengan bukan Melayu, ia berpunca daripada perlombagaan yang memberi kelebihan (*supremacy*) untuk etnik Melayu.¹⁰⁰ Dalam soal ini, Tan Cheng Lock berpendapat :

*The new constitution, which maintains the legal fiction of the sovereignty and independence of the nine Malay states and their status, sacrifices the legitimate rights and interests of the non-Malay communities. It has in consequence created a profound sense of political frustration, discontent and resentment among all elements in these communities. Moreover, its undemocratic structure has caused bitter dissatisfaction among the more advanced political circle in the general population inclusive of Malays.*¹⁰¹

Dengan kehadiran perlombagaan tersebut, tidak hairanlah masyarakat Cina rata-rata kurang berpuas hati. Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi hubungan mereka dengan pihak pemerintah, malah juga menghantui hubungan etnik negara baru secara berpanjangan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah satu permulaan

¹⁰⁰ Gordon P. Means, ed., *Development and Underdevelopment in Southeast Asia*, m/s 201.

¹⁰¹ Ibid, m/s 201-202.

yang didominasi oleh suatu kumpulan etnik memudaratkan politik Malaya dan Malaysia kemudiannya yang sukar terpisah daripada perbalahan dan dasar-dasar yang bersifat perkauman.

Selain itu, tawar menawar antara etnik dalam hak masing-masing turut berlaku selepas merdeka. R. S. Milne, salah seorang sarjana barat yang menjalankan kajian ke atas masyarakat Malaya berpendapat:

'racial bargain' by which the Chinese were, by and large, to retain their economic power and were to attain limited political power through liberal citizenship provisions, but the Malays were to retain political power and to obtain certain economic safeguards.¹⁰²

Walaupun wujudnya tawar-menawar antara etnik dan rasa kurang puas hati yang jelas terdapat di kalangan masyarakat Cina, namun perasaan ini kurang mendapat simpati para pemimpin Melayu. Sebagai contoh, Tunku Abdul Rahman mempunyai persepsi tersendiri, beliau beranggapan bahawa kompromi antara orang Melayu dengan bukan Melayu sebenarnya merupakan satu pengorbanan orang Melayu:

It is well to remember that no native of any country in the world have given away so much as the Malay have done.¹⁰³

¹⁰² Ibid, m/s 203-204.

¹⁰³ B.N. Cham, "The 'Racial Bargain' in West Malaysia" dalam Gordon P. Means, ed., *Development and Underdevelopment in Southeast Asia*, m/s 206.

Bagaimanapun, pendapat bahawa pengorbanan besar oleh orang Melayu tidak disetujui oleh sesetengah pengkaji, misalnya, Gordon P. Means mempunyai pendapat yang berlainan :

The fact that the whole constitution at structure of Malay special rights and privileges is based primarily on Malay communal or racial claims suits the basic interests of the Malay elite very well. On the one hand, in order to maintain themselves in power and to be able to compete with their non-Malay counterpart for a greater share of economic power, they need to have political support base within the Malay community.¹⁰⁴

Walau bagaimanapun, percanggahan etnik dan intepretasi yang berlainan mengenai hak-hak politik sudah menjadi hakikat sejarah lepas, namun apa yang penting sekarang ialah punca yang menimbulkan percanggahan tersebut. Apa yang menghairankan sepanjang sejarah ialah walaupun kedua-dua pihak mempunyai motif yang baik, masing-masing dengan agenda mulia seperti “perpaduan negara” dan “kesinambungan peradaban,” tetapi masalah dan perbalahan masih timbul. Soalnya ialah apa punca sebenar di sebalik perbalahan yang berpanjangan?

Teori Frederick Barth yang menerangkan perbezaan antara “ sempadan” dan “ kandungan” memberi ilham kepada kita untuk memahami hakikat sebenar. Menurut teori Barth, interaksi etnik Cina dengan etnik lain menghasilkan sempadan yang wujud secara objektif. Sempadan tersebut merupakan kontena (*container*) peradaban, dalam kontena tersebut, bahasa, tradisi, tinggalan sejarah

¹⁰⁴ Ibid, m/s 209.

dan lain-lain “ tanda peradaban” disimpan, “ kandungan” yang tersimpan merupakan khazanah peradaban silam yang dikongsi bersama oleh sesuatu etnik.¹⁰⁵

Namun demikian, masalah sering timbul apabila proses pembinaan identiti negara baru bertentangan dengan proses interaksi antara etnik yang melahirkan sempadan dan isi kandungan etnik secara semula jadi. Pembinaan negara bangsa baru dijalankan melalui kuasa politik, penggunaan kuasa politik sebenarnya memperlihatkan bagaimana jentera negara menyusun semula kumpulan manusia, tanah, status dan polisi akulturasi serta asimilasi dijalankan bagi melahirkan identiti negara bangsa baru. Oleh yang demikian, proses penyusunan semula yang terancang itu sering tidak mengambil berat tentang sempadan etnik yang wujud secara semula jadi. Masalah juga timbul apabila peradaban kebangsaan yang bertujuan untuk dikongsi bersama segenap masyarakat disusun sebelum pembentukan etnik baru berlaku secara semula jadi dan berusaha menghapuskannya melalui kuasa politik.

Pihak pemerintah harus sedar bahawa pengamalan peradaban asal sesebuah kumpulan etnik tidak semestinya menghalang ketaatan, sebaliknya negara bangsa sebenarnya beruntung dengan kedatangan pelbagai pewaris peradaban dan pembawa peradaban silam. Seperti kata Cui Guiqiang apabila beliau menyimpulkan sejarah perubahan identiti negara atau politik orang Cina, beliau berpendapat intipati dan pengalaman peradaban asing yang dibawa oleh

¹⁰⁵ Fredrik Barth, ed., *Ethnic Groups and Boundaries, the Social Organization of Culture Difference*, m/s 10-16.

para pewaris peradaban yang berlainan berupaya memperkayakan kandungan peradaban yang terdapat dalam sesuatu negara. Peradaban suatu etnik sepatutnya dipertahankan, misalnya polisi pelbagai peradaban yang dijalankan oleh Kanada jelas menguntungkan negara tersebut. Sesebuah negara harus menghargai intipati peradaban yang tersemai dalam suatu kumpulan etnik kerana ia sebenarnya merupakan “ harta” yang amat berguna bagi sesebuah negara. Ini dikenal sebagai strategi “ menang-menang,” iaitu mahupun negara bangsa baru atau imigran asing mendapat keuntungan. Namun, keadaan ini adalah sukar dicapai dalam sebuah masyarakat majmuk memandang kesefahaman antara etnik yang kurang memuaskan.¹⁰⁶

Jadi, pertembungan antara peradaban sebenarnya merupakan peluang bagi memperkayakan peradaban dan ilmu. Proses ini menambahkan pemahaman sesebuah masyarakat terhadap pemikiran dan sifat peradaban lain, kesefahaman ini merupakan unsur penting dalam menjaga keharmonian sosial. Oleh yang demikian, semua kumpulan etnik harus melihat pendedahan terhadap peradaban lain sebagai peluang pembelajaran. Sebaliknya, masalah timbul apabila peluang ini disalahanggap sebagai penghalang perpaduan kebangsaan atau pencabar terhadap peradaban sendiri.

Di samping itu, apabila kita mengikuti sejarah hubungan etnik atau pertembungan peradaban yang berlaku selama ini, kita perlu sedar bahawa

¹⁰⁶ Cui Guiqiang 崔貴強, *Xinma Huaren Guojia Rentong de Zhuanxiang, 1945-1959* 新马华人国家认同的转向 (Perubahan Identiti Negara Orang Cina Malaya dan Singapura, 1945-1959), m/s 424.

percanggahan lampau sebenarnya memberi implikasi berpanjangan terhadap Negara Malaya mahupun Malaysia.

Oleh yang demikian, dalam konteks Malaya, pertembungan ini melahirkan politik perkauman yang berlarutan sehingga berdekad-dekad. Persaingan politik yang bersifat perkauman melahirkan parti politik perkauman, sistem sosial perkauman, gerakan pendidikan perkauman dan institusi pendidikan perkauman yang berlarutan selama ini jelas memperlihatkan pengaruh unsur berkauman yang mendalam. Pengasingan ini bukan sahaja melambatkan kemajuan negara yang menjadi idaman bersama, malah juga menyemai prasangka dan ketidakpuasan yang sekian lama merosakkan hubungan etnik, khasnya dalam hubungan Melayu-Cina.

Bagi orang Cina pula, ikatan yang kuat antara individu sering menjadi halangan bagi mereka apabila berinteraksi dengan komuniti lain. Orang Cina walaupun mengalami proses perubahan identiti politik dan peradaban, namun cara hidup yang biasa bergaul sesama etnik jelas tidak banyak membantu penjalinan hubungan etnik yang erat. Orang Cina sedar akan kepentingan mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan etnik lain dan bersama-sama memajukan negara baru ini. Dalam hal ini, ternyata orang Cina melakukannya dengan perubahan identiti dan pengalihan orientasi politik. Seterusnya, mereka bukan sahaja berusaha untuk mendapatkan hak kewarganegaraan malah juga terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

Sebagai kesimpulan, marilah kita bersama-sama merenungi sepatah kata seorang sarjana barat, Milton Esman, yang menerangkan hakikat kemelut yang melanda hubungan etnik Cina-Melayu sejak era kemerdekaan Malaya :

Masalah yang timbul antara orang Melayu dan orang Cina berpunca daripada persepsi yang berlainan di antara mereka. Orang Melayu berpendapat bahawa mereka lebih mengambil berat dalam soal keharmonian perhubungan individu, dan mementingkan kemoralan. Sebaliknya, mereka kurang mengambil berat dalam aspek kebendaan dan menumpukan perhatian terhadap aspek kerohanian dan mentaliti. Dari persepsi orang Melayu, masyarakat Cina bersifat agresif dan merupakan penceroboh. Bagi mereka, orang Cina rata-rata tidak mengambil berat dalam soal perhubungan individu, mentaliti, kerohanian dan hanya berminat dalam soal kebendaan. Sebaliknya, dari persepsi masyarakat Cina, mereka menganggap diri sebagai individu yang rajin bekerja, berdaya saing dan sentiasa berusaha memajukan diri. Mereka mengambil berat tentang rumah tangga, dan berpersepsi bahawa orang Melayu bersifat malas dan berpegang kepada kepercayaan karut.¹⁰⁷

Akhir kata, diharapkan kesedaran tentang kewujudan persepsi yang berlainan antara etnik serta pemahaman terhadap teori-teori etniksiti yang menerangkan masalah etnik di Malaya dapat menyumbang kepada kemajuan hubungan etnik dan menambahkan pengalaman bersama dalam menghadapi isu pertembungan peradaban yang bakal berlaku pada masa depan.

¹⁰⁷ Milton Esman, *Administration and Development in Malaysia*. New York: Cornell University Press, 1972, m/s 20-22.